

TEKS UCAPAN

Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB

NAIB CANSOLOR UTeM

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP SAMBUTAN MINGGU ALAM
SEKITAR 2017 (MAS 2017)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

7 Oktober 2017 (Sabtu), Kolej Kediaman UTeM Lestari

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Md. Yunos bin Husin

Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka

Yang Berhormat Datuk Hj. Md. Rawi bin Mahmud

Timbalan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka

Yang Berusaha Tuan Shafe'ee Bin Yasin

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka

Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong-Penolong Naib Canselor UTeM, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Rakan-Rakan Strategik Penganjur

Rakan Media, Para pelajar

Tuan-Tuan, Puan-Puan, Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia, Salam Sehati Sejiwa

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita sama-sama berkumpul di Majlis Perasmian Penutup Sambutan Minggu Alam Sekitar 2017 peringkat UTeM pada pagi yang indah ini.
2. Bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Md. Yunos bin Husin, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka**, kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita pada majlis pada pagi ini. Tidak dilupakan juga, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua dif-dif kehormat dan semua jemputan ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Terima kasih di atas kesudian hadir dan bersama-sama memberi sokongan dalam majlis anjuran Universiti ini.

3. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka di atas kerjasama baik yang telah diberikan sepanjang berlangsungnya sambutan Minggu Alam Sekitar UTeM ini, dan tidak lupa juga kepada warga Pusat Kelestarian Alam Sekitar UTeM yang diketuai oleh Prof. Madya Juhari Bin Ab Razak, Rakan Strategik Penganjur; Persatuan Inovasi Pendidikan Pelancongan Malaysia (MyIETA), MeriahTek Sdn Bhd, staf-staf serta para pelajar yang terlibat untuk menjayakan MAS 2017 UTeM.

Hadirin dan hadirin sekalian,

4. Sambutan Minggu Alam Sekitar telah pun masuk tahun keempat penganjurannya pada tahun ini sejak mula diperkenalkan di UTeM pada tahun 2013. Pelbagai pengisian telah diaturkan sepanjang sambutan minggu alam sekitar, dengan tujuan utamanya adalah untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar selain menerapkan gaya hidup lestari demi kesejahteraan

kehidupan di atas muka bumi ini. Ini secara tidak langsung menyahut ajakan tema sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia untuk tahun 2017 iaitu “Connecting People to Nature”.

5. Dalam meneruskan agenda kelestarian di peringkat IPT, UTeM amat komited dalam mengambil pelbagai inisiatif murni bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh UTeM adalah dengan:
 - a. Menubuhkan Pusat Kelestarian dan Alam Sekitar UTeM pada tahun 2014 bagi merencanakan lagi agenda kelestarian dan memelihara alam sekitar khususnya di UTeM.
 - b. Mewartakan Polisi Tenaga UTeM. Sebagai makluman, menerusi gerak kerja yang dilaksanakan di bawah polisi ini, pada bulan Julai 2017, UTeM telah berjaya mengurangkan sebanyak 3.5 juta kWh bersamaan dengan 19% pengurangan

tenaga berbanding penggunaan tenaga pada Julai 2014 di Kampus Induk. Daripada nilai ini, jumlah penjimatan bil elektrik adalah sebanyak RM1,766,176.62 dan sebanyak 2,069.72 tan karbon dioksida berjaya dikurangkan.

- c. Seterusnya, UTeM turut mewartakan Polisi Pengurusan Sisa Pepejal dan Buangan Terjadual yang bertujuan memastikan pengurusan lestari bagi sisa pepejal dan buangan terjadual.
6. Alhamdulillah, hasil daripada komitmen dan aktiviti kelestarian yang dilaksanakan, UTeM telah mendapat tempat ke 269 daripada 516 universiti di seluruh dunia dalam UI GreenMetric World University Ranking on Sustainability yang telah diumumkan pada awal tahun ini. UTeM turut berjaya memperolehi Pengiktirafan Energy Management Gold Standard 1 Star (EMGS 1 STAR) dari ASEAN Energy Management Scheme (AEMAS). Sebagai langkah pengukuhan, UTeM sedang di dalam proses untuk mendapatkan Pengiktirafan

Energy Management Gold Standard 2 Star (EMGS 2 STAR) pada pertengahan tahun hadapan.

7. Selain daripada itu, baru-baru ini UTeM menerusi PKA telah bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka (JPM) dalam usaha merangka Modul Amalan Hijau di peringkat sekolah Negeri Melaka bagi memupuk kesedaran tentang pengurusan amalan lestari terhadap alam sekitar. Sebanyak 14 buah sekolah rendah dan menengah telah dipilih sebagai *pilot project* bagi menerapkan Modul Amalan Hijau yang dibangunkan ini bermula pada awal tahun hadapan. Pelaksanaan modul ini akan dikembangkan ke seluruh sekolah di negeri Melaka secara berperingkat. Semoga dengan pelaksanaan program murni seumpama ini dapat merealisasikan hasrat Negeri Melaka mencapai status Negeri Teknologi Hijau menjelang tahun 2020.

Hadirin dan hadirin sekalian,

8. Sambutan Minggu Alam Sekitar 2017 peringkat UTeM telah berjalan selama seminggu mulai dari 2 Oktober 2017 sehingga ke hari ini. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti Pertandingan Kuiz, Foto dan Poster Kempen Kesedaran Alam Sekitar Online, Pengumpulan Minyak Masak Terpakai dan Sisa Elektrik dan Elektronik, Kayuhan Basikal Sifar Karbon, Program Kesihatan, Pertandingan Inovasi Produk Kitar Semula dan banyak lagi.
9. Aktiviti penanaman pokok buah diteruskan lagi pada tahun ini kerana sambutan yang amat menggalakkan dari staf dan pelajar dalam mengekalkan kelestarian persekitaran kawasan Kampus Induk UTeM.
10. Diharapkan, menerusi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan ini dapat menyuntik lagi semangat cintakan alam sekitar seterusnya menjadikan UTeM sebagai salah sebuah Universiti Awam yang lestari.

Hadirin dan hadirin sekalian,

11. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan kepada UTeM terutamanya kepada **Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Md. Yunos bin Husin, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka**. Saya juga ingin mengucapkan sertinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penaja, agensi, pertubuhan, syarikat swasta dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Minggu Sambutan Alam Sekitar peringkat UTeM ini.

Indah malam tanpa pelita,
Terbang beramai si rama-rama,
Janganlah lupa peranan kita,
Persekitaran indah tanggungjawab bersama.

Sekian *wabillahitaufig walhidayah wassalamualaikum wrt. wbt.*
Terima kasih.